

## GRADUAN BERAKHLAK MULIA DAN BERETIKA PEMANGKIN GENERASI MADANI

Mohd. Noor Azli b. Ali Khan

[m-nazli@utm.my](mailto:m-nazli@utm.my)

Jabatan Pengurusan

### *Abstrak*

Makalah ini membincangkan persoalan akhlak mulia dan etika khususnya di kalangan graduan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang dipegang. Selain membentangkan kepentingan akhlak dan etika dalam dunia perkerjaan, makalah ini turut mengupas tanggungjawab manusia sebagai khalifah dan relevannya dengan kehidupan yang dilalui. Seterusnya, perbincangan mengenai pentingnya nilai akhlak dan etika dalam menjana pembentukan generasi madani turut diketengahkan. Secara keseluruhannya, akhlak dan etika adalah antara perkara yang perlu diberi penekanan untuk melahirkan individu yang mempunyai tahap profesional yang cemerlang sesuai dengan kerjaya yang diceburi.

### PENGENALAN

Graduan merupakan golongan yang diiktiraf tahap keintelektualan mengikut bidang kepakaran masing-masing. Graduan yang cemerlang adalah mereka yang memiliki keseimbangan di antara kecemerlangan intelek dan sahsiah diri yang mulia termasuklah dari sudut akhlak dan etika. Akhlak dan etika adalah dua perkara yang berlainan tetapi saling berkait rapat. Dalam bidang kerjaya, akhlak dan etika memainkan peranan penting bagi melahirkan para profesional yang memiliki keampuhan diri yang telus terhadap amanah yang dipegang. Ketiadaan prinsip hidup yang teguh menyebabkan manusia mudah diperkotak-katikkan oleh nafsu sendiri. Oleh yang demikian, untuk menjadi bangsa yang benar-benar maju, bertamadun dan moden atau dalam ertikata lainnya masyarakat madani, kita mesti kembali kepada identiti dan maruah diri yang sebenar. Masyarakat madani merupakan sebuah masyarakat yang mempunyai sistem organisasi mengikut pentadbiran Islam dalam membina pembangunan insaniah dan tamadun ummah. Realitinya, jati diri seseorang insan hanya akan diperolehi seandainya mereka berpanjikan kepada kehidupan yang lurus, berpandukan ajaran agama yang sebenar serta dihiasi dengan akhlak dan etika yang mulia. Hanya dengan akhlak dan etika akan mengangkat martabat manusia ke mercu kejayaan dan kegemilangan tamadun insan.

Ironisnya, dalam era globalisasi yang begitu dibanggakan oleh umat masa kini, adakah para graduan yang berakhlak dan beretika berjaya dilahirkan? Keunggulan akhlak dan keteguhan nilai etika merupakan perkara asas yang perlu ada dalam diri setiap insan. Menularnya krisis nilai bertali arus dengan kerakusan manusia mengejar kemewahan, bertuhankan kebendaan, pastinya menjadi cabaran hebat bagi setiap graduan untuk mempertahankan prinsip diri. Justeru, bagi melahirkan graduan yang berakhlak mulia, beretika dan memiliki ketrampilan peribadi yang unggul, beberapa penekanan baik secara rohaniah mahupun jasmaniah perlu diberi perhatian.

## MANUSIA DAN TANGGUNGJAWAB

Manusia adalah makhluk yang unik dan istimewa. Diciptakan oleh Allah s.w.t dengan pelbagai kelebihan serta terdiri daripada jasad dan roh. Nikmat akal yang dibekalkan meletakkan manusia sebagai makhluk terunggul berbanding makhluk lain serta bertanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi.

Kejadian manusia ini diperjelaskan dalam Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Hijr ayat 28-29 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah peristiwa) tatkala Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia daripada tanah liat yang kering, yang berasal daripada tanah yang kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya ruh dari (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya”.*

(Surah al-Hijr: 28-29)

Walau bagaimanapun, bagi mencapai kebahagiaan yang sempurna, setiap insan perlu mengimbangi dan memenuhi tuntutan roh, jasad dan akal tersebut secara bersepadu dan adil. Pembangunan rohaniah dan pembangunan material mesti berlaku serentak. Jika pembangunan rohaniah diabaikan, akan berleluaslah pelbagai penyakit hati yang dihadapi oleh masyarakat dunia hari ini seperti rasuah, krisis nilai, penindasan, kezaliman dan sebagainya yang akhirnya menjadi barah meracuni kehidupan manusia. Hakikatnya, penampilan diri yang cemerlang baik dalaman mahupun luaran hanya akan diperoleh seandainya manusia tidak terpesong daripada landasan agamanya.

Bagi memenuhi keperluan rohani, manusia mestilah mempunyai iman yang kental, berusaha membersihkan jiwa daripada segala anasir yang boleh merosakkan akidah dan hati seterusnya menanam keyakinan yang kukuh hanya pada Allah s.w.t. Keadaan ini perlu disemarakkan lagi dengan pengamalan yang menyeluruh terhadap sistem hidup Islam. Pada masa yang sama, tuntutan jasmani juga dititikberatkan. Manusia mestilah memenuhi tuntutan seperti keperluan kepada makanan, minuman, menjaga kebersihan, menjaga kesihatan dan pakaian. Hal ini penting bagi menjamin kebahagiaan dan keharmonian hidup umat manusia. Kesemua ini hanya akan diperoleh melalui pekerjaan yang diusahakan. Walau bagaimanapun, penekanan kepada rezeki yang halal amat penting supaya rezeki yang diperoleh untuk memenuhi keperluan hidup diberkati Allah s.w.t.

Seterusnya, nikmat akal pula perlu dibajai dengan ilmu pengetahuan dan dimanfaatkan hanya pada jalan kebaikan. Akal adalah anugerah teragung. Manusia dituntut menggunakan akal untuk memikirkan kebesaran dan rahsia keajaiban ciptaan Allah s.w.t. Selain itu, kebijaksanaan akal yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. juga tidak seharusnya digunakan untuk kepentingan diri sendiri, sebaliknya dimanfaatkan pada jalan yang sepatutnya. Oleh sebab itu, penekanan nilai agama amat penting dalam jiwa setiap manusia khususnya golongan intelektual agar mereka tidak tergelincir dari haluannya. Hanya dengan jalan ini, manusia dapat mengukuhkan keimanan dan menjaga pemikiran agar sentiasa bertindak waras. Penyelewengan terhadap akal boleh menjerumuskan manusia ke lembah kehancuran, bahkan penggunaan akal tanpa batasan serta bimbingan wahyu dan agama juga boleh membawa manusia kepada kehinaan.

Islam memupuk manusia supaya mencari rezeki dan kemewahan di dunia seberapa banyak yang mungkin di samping melaksanakan tuntutan agama. Dalam mencari rezeki dan berusaha, manusia disaran mengamalkan ciri-ciri dinamika Islam (Ghazali, 1997) seperti mempunyai bekalan ilmu pengetahuan, latihan dan semangat yang tinggi serta bekerja dan mengumpulkan harta sebagai jambatan untuk mencari keredhaan Allah s.w.t, bukannya mengumpul harta sebagai matlamat utama hidup sebagaimana Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagiannya (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan”.*

(Surah al-Qasas: 77)

## AKHLAK MULIA SEBAGAI LANDASAN KEHIDUPAN

Akhlak adalah Roh dalam Agama. Agama tanpa akhlak samalah seperti jasad yang tidak bernyawa. Akhlak merupakan ciri-ciri kelebihan di antara manusia kerana lambang kesempurnaan iman, ketinggian taqwa dan kealiman seseorang manusia yang berakal. Keadaan ini ditegaskan lagi dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Orang yang sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya”.*

Imam al-Ghazali (2002), menerangkan bahawa kekuatan atau kelemahan iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya kerana iman yang kuat dapat membenihkan akhlak yang baik dan mulia sedangkan iman yang lemah akan menzahirkan akhlak yang jahat dan tingkah laku yang buruk, mudah terkeliru kepada perbuatan keji yang merugikan diri sendiri dan orang lain.

Akhlak menggambarkan keperibadian seseorang, budi pekertinya dan cara ia menyesuaikan diri pada setiap masa dan keadaan. Seseorang yang berakhlak mulia akan disenangi oleh orang sekelilingnya. Malah lebih jauh daripada itu Islam memandang akhlak sebagai buah iman dan tidaklah dianggap kuat iman seseorang yang tidak mantap akhlaknya (Mohd Azhar *et. al.*, 2001). Menurut Ghazali (2001) dalam Mohd Azhar *et. al.* (2001), menyatakan bahawa pengertian akhlak amat jelas berbanding moral kerana:

- (i) Ia merangkumi zahir, batin dan pemikiran.
- (ii) Ia mementingkan hubungan dengan al-Khaliq.
- (iii) Ia berpandukan al-Quran dan al-Hadis.

Oleh sebab itu, kita dapati bahawa bidang akhlak adalah bidang yang amat penting dalam sistem kehidupan manusia. Ini kerana nilai manusia itu pada

hakikatnya terletak pada dirinya. Semakin tinggi akhlak seseorang manusia itu, semakin tinggi nilai kemanusiaan dirinya. Akhlaklah yang membezakan antara manusia dan haiwan dari segi perilaku, tindak tanduk dan tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Seseorang yang tidak berakhlak adalah diumpamakan sama tarafnya dengan haiwan, malahan lebih rendah darinya. Sebagaimana Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai”.*

(Surah Al-A'raaf: 179)

Dalam hierarki ketamadunan manusia, akhlak mempunyai kedudukan yang paling tinggi nilainya. Masyarakat yang tidak mempunyai nilai akhlak, walaupun mempunyai kemodenan dan kemajuan yang tinggi dalam pelbagai bidang tidak layak dianggap sebagai masyarakat yang baik dan mulia apatah lagi masyarakat madani. Dalam konteks ini, menurut Fauzian (1997), masyarakat madani ditakrifkan sebagai sebuah masyarakat yang berupaya mencapai kemajuan dan pembangunan material yang didasari dengan keimanan dan ketakwaan yang utuh hanya pada Tuhan-Nya. Berbalik kepada persoalan pokok, kesemuanya ini hanya akan dapat dijelmakan menjadi realiti sekiranya wujud penjana yang positif dalam pembinaan akhlak yang baik. Terdapat banyak firman Allah s.w.t. dan hadis Rasulullah s.a.w. yang menekankan peri pentingnya akhlak yang baik. Rasulullah s.a.w. adalah contoh utama pembentukan akhlak. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak”.*

*“Allah tidak melihat kepada lahiriah kamu tetapi kepada apa yang ada pada hati kamu”.*

(Riwayat Ahmad Baihaqi, al-Hakim dan Abu Hurairah)

*“Kemuliaan seseorang Mukmin itu adalah kerana agamanya, maruahnyanya adalah terletak pada akalnyanya dan kedudukannya adalah bergantung kepada akhlaknya”.*

(Riwayat Ibnu Hibban dan Baihaqi)

Berdasarkan artikel JAKIM (2003), yang berjudul *“Ciri-Ciri Manusia Unggul”*, akhlak mulia bagi individu unggul adalah hasil keimanan yang kental. Ini disebabkan oleh ikatan yang mengukuhkan hubungan antara individu dengan masyarakat terjalin melalui nilai-nilai dan disiplin yang diamalkan oleh anggota masyarakat tersebut. Sekiranya nilai yang diamalkan itu positif, maka akan lahir masyarakat madani yang di dalamnya penuh dengan keamanan, kebahagiaan, kedamaian, keharmonian serta diselubungi roh Islam.

Sehubungan itu, Profesor Dr. Mohd Kamal Hasan (1998) dalam Mohd Azhar *et. al.* (2001), menyatakan bagaimana seharusnya akhlak didekati dalam pendidikan anak-anak demi melahirkan masyarakat madani. Menurut beliau, pendekatan boleh diambil dalam tiga peringkat:

- (i) Membetulkan falsafah, kurikulum dan tujuan pendidikan. Akhlak tidak boleh diberikan tempat yang terasing, terpisah dan tersisih dalam sistem pendidikan negara.
- (ii) Ilmu akhlak harus dipelajari secara praktikal dan bukan dengan pemahaman teori sahaja. Ia harus dilihat sebagai instrumen penting bagi mencapai keredhaan Ilahi. Usaha yang komited oleh para pendidik dari peringkat tadika hinggalah menara gading perlu bagi mengasimilasikan dan menghayati akhlak yang mulia. Ini juga harus disokong dengan pembudayaan dan penguatkuasaan oleh pihak pemerintah.
- (iii) Barulah kita dapat melihat pendidikan akhlak yang berkesan itu mampu melahirkan generasi bakal pemimpin masyarakat dan negara yang tidak tamak kuasa atau harta, amanah, jujur dan adil serta mengutamakan kepentingan rakyat pada setiap masa dan keadaan.

### **Sifat Mahmudah (Sifat yang Mulia)**

Bagi melahirkan seorang individu yang berakhlak dan beretika, Islam menganjurkan amalan mahmudah yakni sifat yang mulia. Antara sifat mahmudah yang dianjurkan oleh Islam ialah:

#### **(a) Sabar**

Dalam menghadapi cabaran hidup, kesabaran amat penting untuk membentuk individu unggul seperti yang dikehendaki Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang kebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)”.*

(Surah Ali ‘Imran: 200)

#### **(b) Syukur**

Bersyukur dalam konteks individu unggul berlaku dalam dua keadaan: (1) sebagai tanda kerendahan hati terhadap segala nikmat yang diberikan oleh Pencipta sama ada sedikit atau banyak, (2) bersyukur sesama makhluk sebagai ketetapan daripada Allah s.w.t supaya kebajikan sentiasa dibalas dengan kebajikan. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahkan*

*nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabKu amatlah keras”.*

(Surah Ibrahim: 7)

**(c) Khauf**

Sifat Khauf adalah amalan yang berupaya mencegah manusia daripada melakukan larangan Tuhannya. Insan yang takut untuk melakukan kemurkaan Allah s.w.t. adalah hamba-Nya yang sentiasa merasakan dirinya diperhatikan serta akur dengan kebesaran dan kehebatan Allah s.w.t.

**(d) Raja’**

Memiliki sifat Raja’ amat dituntut dalam Islam iaitu sentiasa mengharap keredhaan Allah s.w.t. dalam apa jua yang dilakukan. Apabila diri telah sehati dengan perbuatan yang mulia maka apa jua yang diusahakan pastinya akan berada dilandaskan yang sepatutnya.

**(e) Benar**

Berani menyatakan kebenaran adalah sifat yang mampu membawa manusia kepada kebahagiaan hati. Sifat ini amat penting dalam diri setiap individu apatah lagi jika dia seorang yang terlibat dengan dunia perakaunan yang sentiasa berdepan dengan pelbagai keadaan yang mungkin boleh menguji kekuatan iman.

**(f) Amanah**

Amanah adalah sifat mulia yang mesti diamalkan oleh setiap individu. Ia adalah asas ketahanan umat, kestabilan negara, kekuasaan, kehormatan dan roh kepada keadilan. Manusia diperintah oleh Allah s.w.t. supaya memegang dan melaksanakan amanah dan melakukan keadilan terhadap sesama manusia. Ini diperjelaskan lagi dalam Surah an-Nisaa’ ayat 58 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat”.*

(Surah an-Nisaa’: 58)

**(g) Adil**

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Para ulama membahagikan adil kepada beberapa peringkat iaitu adil terhadap diri sendiri, orang bawahan, pemimpin atasan dan juga sesama saudara. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Tiga perkara yang menyelamatkan iaitu takut kepada Allah ketika bersendirian dan di khalayak ramai, berlaku adil pada ketika suka dan marah dan berjimat cermat ketika susah dan senang; dan tiga perkara yang membinasakan iaitu mengikut hawa nafsu, terlampau bakhil dan kagum seseorang dengan dirinya sendiri”.*

(Riwayat Abu Syeikh)

#### **(h) Pemaaf**

Setiap dari kita disarankan agar sentiasa bersikap pemaaf. Sikap ini berupaya melahirkan keperibadian yang unggul. Walau bagaimanapun, memberikan kemaafan bukan bermakna kita memberikan keizinan agar kesilapan itu dilakukan berulang kali sebaliknya sebagai pengajaran dan pengingatan bahawa setiap dari kita mesti berusaha memperbaiki segala kelemahan diri.

#### **(i) Pemalu**

Sebagai hamba-Nya, kita mestilah memiliki sifat pemalu. Namun malu yang dituntut ialah malu yang berada pada tempatnya. Contohnya, tidak malu melaksanakan perintah Allah s.w.t. sebaliknya malu melakukan larangan-Nya.

#### **(k) Tawadhu'**

Manusia dituntut agar memiliki sifat yang tawadhu' yakni rendah hati. Walaupun kejayaan yang dicapai mungkin meletakkan kita sebagai seorang yang disegani masyarakat namun Islam melarang sama sekali kita bersikap bongkak dan sombong sesama manusia.

#### **(l) Tawakal**

Setelah segala usaha dilakukan, maka jalan yang harus dipilih ialah bertawakal dan berdoa pada-Nya. Inilah jalan terbaik yang sepatutnya diambil oleh setiap insan yang ingin berjaya dalam hidupnya. Tanpa ada pergantungan yang sepenuhnya kepada Allah s.w.t. sesuatu kejayaan itu tidak mungkin dapat dicapai dalam erti kata yang sebenarnya.

#### **Sifat Mazmumah (Sifat yang Tercela)**

Selain itu, Islam juga melarang umatnya dari mendekati apatah lagi mengamalkan sifat mazmumah kerana jelas boleh membawa manusia kepada kesesatan dan kesukaran. Antara sifat mazmumah yang dilarang oleh Islam ialah:

#### **(a) Tergesa-Gesa**

Tergesa-gesa atau terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara atau sesuatu keputusan, adalah sifat tercela yang boleh membawa keburukan jika tidak ditegah perbuatannya.

**(b) Riak atau Bangga Diri**

Riak atau bangga diri iaitu melakukan sesuatu dengan tujuan ingin menunjuk-nunjuk kebolehan atau kelebihan diri kepada orang lain.

**(c) Dengki (Hasad)**

Sifat dengki amat dibenci dalam Islam. Ia bukan sahaja boleh menimbulkan permasalahan sesama sendiri malahan mendorong manusia melakukan sesuatu yang di luar batasan.

**(d) Takabbur**

Bersifat sombong dan membesarkan diri. Sifat takabbur menyebabkan manusia menjadi angkuh dan lupa bahawa diri sebenarnya hamba Allah s.w.t.

**(e) Ujud**

Ujud merupakan perasaan mengagumi terhadap diri sendiri. Keadaan ini menyebabkan manusia lupa bahawa segala kejayaan yang dicapai adalah dengan izin Allah s.w.t. Sifat ini jika tidak dibendung boleh membawa manusia kepada kekufuran kepada Allah s.w.t. serta menidakkan kebesaran Allah s.w.t.

**(f) Bakhil**

Kedekut untuk membelanjakan harta pada jalan Allah s.w.t. sedangkan rezeki yang diperoleh lebih daripada mencukupi.

**(g) Buruk Sangka**

Berpandangan negatif pada orang lain dan mengesyaki seseorang tanpa ada bukti yang kukuh.

**(h) Tamak Haloba**

Bersikap tamak haloba adalah perbuatan yang seharusnya dijaui. Sifat tidak puas dengan apa yang ada, ingin membolot semuanya untuk kepentingan diri sendiri adalah tanda bahawa manusia itu tidak pernah mensyukuri nikmat Tuhan-Nya.

**(i) Pemarah**

Pemarah adalah antara sifat yang amat digemari syaitan. Dalam kehidupan, khususnya apabila berdepan dengan situasi yang boleh mencabar kesabaran, kita hendaklah bersifat tenang dan menghadapinya sebaik mungkin. Membiarkan diri dikuasai oleh perasaan marah bukan sahaja boleh merenggangkan sesuatu perhubungan malah boleh menimbulkan ketegangan.

**(j) Sum'ah**

Sum'ah ialah melakukan sesuatu tanpa keikhlasan hati sebaliknya bertujuan untuk mendapatkan kemasyhuran.

Sebenarnya, sifat mazmumah sememangnya jelas membawa keburukan kepada manusia. Dalam konteks dunia pekerjaan, contohnya sifat riak atau bangga diri, bukan sahaja berupaya menjadikan seseorang yang mempunyai pekerjaan itu sombong dengan kejayaan yang dimiliki bahkan dengan jawatan yang dipandang tinggi oleh masyarakat boleh mendorong manusia lupa akan kekerdilan diri di sisi Allah s.w.t. sekaligus lupa akan peranannya sebagai khalifah di muka bumi ini. Di sinilah pentingnya pendidikan berkaitan akhlak itu ditekankan semenjak dari tahap awal pendidikan sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi.

Lantaran dari itu, setiap individu hendaklah berusaha untuk mempraktikkan kehidupan berlandaskan akhlak mahmudah serta menjauhi sifat mazmumah. Keseimbangan antara pembangunan rohaniah dan material haruslah selari agar kebahagiaan hidup, baik di dunia mahupun di akhirat berada dalam kerahmatan Allah s.w.t. Nilai-nilai murni seperti amalan mahmudah yang dianjurkan dalam Islam sewajarnya menjadi tonggak pegangan bagi setiap manusia. Bagi melahirkan individu yang cemerlang baik rohani mahupun jasmani khususnya di kalangan graduan kesemua nilai tersebut mesti menjadi amalan tanpa ada pengecualian.

**NILAI ETIKA ASAS PROFESIONALISME**

Menurut Hassan (1989), nilai dan etika pengurusan Islam lebih menyeluruh, mempunyai ciri dinamisme, profesionalisme dan sempurna. Hal ini bertitik tolak daripada tanggapan bahawa segala apa yang dilakukan oleh manusia semuanya dikira sebagai ibadat termasuk ketaatan dan tanggungjawab kepada Allah s.w.t. ketua, keluarga, organisasi dan negara. Manakala, Dato Hassan (1989), menjelaskan bahawa kesempurnaan nilai dan etika pengurusan Islam terletak juga pada sumbernya. Asasnya ialah akidah, syariah dan akhlak. Sumbernya ialah al-Quran dan al-Sunnah. Ini bererti nilai dan etika pengurusan Islam mempunyai kekuatan rohaniah yang paling kental. Contohnya, sekiranya tiada apa yang dapat diberikan sebagai bantuan, memadai dengan berbudi bahasa mulia, simpati, muka manis dan sebagainya, itu pun sudah dikira sebagai ibadat.

Menurut Rafik (1998), etika boleh didefinisikan sebagai suatu set prinsip-prinsip moral yang membezakan apa yang betul daripada apa yang salah. Ia merupakan suatu perkara normatif kerana ia menjelaskan apa yang perlu dilakukan atau menahan diri daripada melakukannya. Dalam konteks Islam, istilah yang berkait rapat dengan etika di dalam al-Quran ialah *khuluq*, ini diperjelaskan di dalam Surah al-Qalam ayat 4 yang bermaksud:

*"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia".*

(Surah al-Qalam: 4)

Etika atau *'ethics'* atau *'ethos'* dalam bahasa Greek, bermaksud perlakuan seseorang. Pada masa kini, etika lebih berkisar pada makna pegangan nilai baik yang mendasari sesuatu amalan masyarakat atau profesion. Contohnya, profesion akauntan

ada etikanya, begitu juga profesion kedokteran, kejuruteraan dan guaman. Ia merujuk kepada tindak-tanduk kita yang dianggap menyalahi nilai baik dalam ruang lingkup kecil komuniti tersebut (Mohd Azhar *et. al.*, 2001).

Etika profesional ditakrifkan sebagai suatu alat kawalan sosial terhadap golongan profesional yang membolehkan organisasi dan masyarakat mengawasi dan menilai tingkah laku mereka dari semasa ke semasa. Tegasnya, etika profesional merupakan mekanisme kawalan sosial terhadap golongan profesional daripada pelbagai bidang profesion (Mohd Janib, 2001). Manakala, Prof. Dr. Mohd Kamal Hasan (1993), mentakrifkan profesionalisme sebagai kesetiaan yang tinggi kepada tujuan-tujuan yang telah ditetapkan beserta dengan peraturan. Menurut Kamus Dewan (2002) pula, etika didefinisikan sebagai prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan lain-lain).

Mohd Janib (2001), menjelaskan bahawa secara khusus etika profesional menekankan kepada perkara berikut:

- (i) Menjaga kepentingan individu, masyarakat dan alam sekitar secara berterusan.
- (ii) Mengelakkan daripada berlakunya konflik antara kepentingan diri dengan masyarakat.
- (iii) Mengelakkan penyalahgunaan kuasa akibat pangkat, kedudukan dan maklumat tertentu untuk kepentingan diri sendiri.

Menurut Aidit (1992), sumber dan sistem nilai-nilai etika bagi masyarakat Islam mestilah:

- (i) Berteraskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.
- (ii) Berlandaskan keyakinan bahawa mendukung dan mengamalkan nilai-nilai yang mulia adalah satu kewajipan dan bukan persoalan pilihan peribadi.
- (iii) Berpegang pada prinsip-prinsip dan ukuran Islam jika nilai-nilai baik yang terserlah di dalam sistem dan ideologi lain ingin diutarakan.

Aidit (1992), menjelaskan lagi bahawa terdapat beberapa amalan yang boleh dipertanggungjawabkan atas individu dalam usaha membentuk dan memupuk nilai-nilai etika mulia dalam seseorang individu, di antaranya:

- (i) Mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.
- (ii) Yakin dan memberi perhatian terhadap nilai-nilai yang dipercayai.
- (iii) Meningkatkan ilmunya sama ada melalui pendidikan yang rasmi atau tidak rasmi supaya wujud kesinambungan ilmu.
- (iv) mengamalkan apa yang dipelajari serta melakukan perkara-perkara yang boleh memupuk nilai-nilai yang baik dan positif.
- (v) Memperkukuhkan tahap kematangan dan kebijaksanaan melalui penambahan pengalaman.
- (vi) Prihatin pada perkembangan semasa dan implikasi-implikasinya, terutamanya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan etika mulia.
- (vii) Menanam sikap suka dan ingin mendekatkan diri kepada perkara yang baik serta benci dan ingin menjauhkan diri daripada perkara yang jahat, merosakkan serta melalaikan.

- (viii) Memilih persekitaran dan campuran yang boleh memupuk nilai-nilai baik serta yang boleh melindungi kita daripada unsur yang tidak kurang sihat seperti rasuah dan pecah amanah.
- (ix) Menanam sifat berani, berinisiatif, bersungguh, kreatif dan dinamik dalam usaha untuk menyuarakan pendapat-pendapat atau idea-idea yang membina.
- (x) Melihat diri sebagai lambang kebaikan dan tauladan yang kita ingin lihat dalam diri ahli keluarga sendiri supaya tertanan perasaan segan untuk kita melakukan perkara-perkara yang boleh merendahkan maruah kita.
- (xi) Mendekatkan diri pada disiplin dengan bermuhasabah pada setiap hari supaya wujud satu suasana "*internal check and balance*".

Audit (1992), menerangkan bahawa tanggungjawab membentuk individu beretika mulia adalah tanggungjawab bersama pelbagai pihak termasuklah:

- (i) Individu itu sendiri.
- (ii) Sistem persekitarannya, di mana peranan sistem ini pula terbahagi kepada tiga aspek iaitu peranan membina (*qualitative*), peranan mencegah (*preventive*) dan peranan membetul (*corrective*).

Audit (1992), menjelaskan lagi bahawa sistem hidup manusia mestilah berusaha ke arah tiga fungsi utama iaitu membina, mencegah dan membetul:

- (i) Perkara-perkara membina:
  - Sistem pendidikan yang menyeluruh di mana sistem yang menyepadukan di antara tauhid dan segala perlakuan manusia supaya matlamat dunia dan matlamat akhirat, matlamat kerohanian dan matlamat kebendaan, serta matlamat individu dan matlamat sosial harmonis, bersepadu dan tidak bercanggah di antara satu sama lain.
  - Penerapan nilai-nilai etika yang mulia pada semua peringkat sistem hidup iaitu keluarga, kerajaan dan institusi-institusi awam, sektor swasta dan masyarakat umumnya.
  - Kepimpinan melalui tauladan pada semua peringkat sistem hidup.
- (ii) Perkara-perkara mencegah:
  - Menutup segala pintu yang boleh membawa kepada kerosakan rohani dan jasmani (mencegah lebih baik daripada mengubati).
  - Peraturan-peraturan kerja, panduan dan undang-undang.
- (iii) Perkara-perkara membetul:
  - Undang-undang.
  - Kewujudan lapisan masyarakat di setiap peringkat dan sektor, yang bersifat bertanggungjawab dalam menjalankan dakwah untuk menasihati mereka yang melanggar nilai-nilai etika mulia, dan jika terpaksa, memaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan mengenai apa-apa percanggahan etika yang memerlukan tindakan undang-undang.

Seterusnya, Audit (1992), menekankan bahawa perkara yang paling penting sekali bagi seorang akauntan muslim ialah bukan sahaja menjaga akauntabilitinya terhadap profesionnya tetapi yang lebih penting ialah terhadap Allah s.w.t. kerana sifat tanggungjawab terhadap Allah s.w.t. akan menjamin sifat tanggungjawab manusia terhadap manusia yang lain.

## MASYARAKAT MADANI TERAS KEMAKMURAN

Akhlak dan etika adalah antara perkara yang perlu ada dalam diri setiap individu, justeru bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila ianya dianggap sebagai salah satu faktor penyumbang ke arah pembentukan masyarakat madani. Secara umumnya, masyarakat madani ialah sebuah masyarakat yang aman makmur serta berprinsipkan kepada perundangan al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam erti kata lain, masyarakat madani ialah sebuah masyarakat yang memiliki tamadun yang tinggi, maju dalam segala aspek kehidupan serta tidak mengabaikan perintah Allah. Seandainya pembangunan yang dilakukan tidak seimbang, manusia hanya mementingkan kemewahan dunia semata-mata serta lupa kepada Allah, kemajuan dalam erti kata yang sebenar tidak mungkin dapat dicapai. Oleh sebab itu, kita dapati selagi manusia faham akan matlamat hidupnya serta menjalankan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin, selagi itulah masyarakat madani akan berjaya diwujudkan.

Di negara kita, kemajuan yang dikecapi bertambah pesat, dunia teknologi maklumat melangkaui batasan sempadan, ekonomi negara bertambah baik dari tahun ke tahun, malahan negara kita berjaya mewujudkan projek-projek mega yang begitu disegani dunia seperti Putrajaya, Cyberjaya, *Multimedia Super Corridor* (MSC) dan seumpamanya. Namun pada masa yang sama, gejala sosial semakin meningkat, krisis moral bertambah parah dan institusi kekeluargaan semakin rapuh. Saban hari media cetak mahupun media elektronik melaporkan pelbagai isu berkaitan dengan pecah amanah, rasuah dan penyelewengan yang boleh membawa kerugian kepada negara. Antara isu yang terbaru ialah isu pemalsuan cek kerajaan negeri yang melibatkan jutaan ringgit, isu penyelewengan oleh pegawai tertinggi majlis daerah dan sebagainya. Justeru, adakah kemajuan yang dikecapi benar-benar berada di landasan yang sepatutnya? Kita juga turut berbangga apabila berupaya melahirkan ramai kalangan intelektual yang cemerlang dalam akademiknya namun kita lupa akan pembangunan rohani mereka. Oleh sebab itu, kita tidak dapat menafikan bahawa kewujudan jenayah kolar putih hari ini adalah disebabkan kurangnya penghayatan agama dalam hidup mereka.

Sejarah membuktikan bahawa masyarakat madani sebenarnya pernah berjaya diwujudkan semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Bukan secara kebetulan tetapi telah melalui proses tertentu kewujudannya. Masyarakat madani sebenarnya boleh sentiasa wujud dengan mencontohi segala prinsip-prinsipnya seperti zaman Rasulullah s.a.w. (Fauzian, 1997). Oleh itu, untuk kembali kepada pembentukan generasi madani, pengamalan hidup berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah harus dijadikan pegangan. Kita sebenarnya berupaya menjadi masyarakat yang cemerlang seandainya pada masa yang sama kita menyeimbangkan antara kepentingan dunia dan akhirat. Islam tidak pernah menganjurkan umatnya agar jumud dengan dunia serta zuhud yang tidak bertempat, tapi memadailah jika umatnya faham erti tanggungjawab mereka sebagai muslim sejati.

Dalam konteks ini, pendekatan Islam haruslah dilakukan secara menyeluruh. Menurut Prof. Dr. Mohd Kamal Hasan (1993), dalam Islam kesetiaan kepada perintah Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. menjadi nilai utama yang mengatasi segala nilai lain yang wujud dalam sesuatu subsistem atau subbudaya. Kesetiaan dan komitmen kepada kuasa yang mengatasi manusia dan alam sejagat ini mempunyai implikasi berikut terhadap seseorang profesional muslim:

- (i) Ia berkhidmat untuk kebaikan manusia dengan tujuan mendapat keredhaan dan mengelakkan kemurkaan Allah iaitu matlamat pekerjaannya bukan bersifat keduniaan atau kebendaan.
- (ii) Ia berkhidmat sebagai hamba Allah dan khalifah dalam apa kapasiti sekalipun iaitu nilai amanah kepadanya mencakupi amanah kepada Allah dan skop amanah termasuk keseluruhan dirinya, ilmunya, hartanya dan kemahirannya.
- (iii) Ia menjalankan tugasnya atas dasar ibadah kepada Allah di samping menunaikan ibadah khusus yang wajib dilakukan. Jadi motivasi bekerjanya bukan lagi terikat kepada sistem ganjaran dunia sahaja tetapi balasan baik dan buruk di hari kemudian.
- (iv) Akauntabiliti dan rasa tanggungjawabnya bukan sahaja kepada ketuanya tetapi yang lebih penting kepada Allah di dunia dan akhirat.
- (v) Ia mempunyai kod etika yang lebih tinggi, lebih menyeluruh dan lebih tahan uji daripada kod etika dalam profesionnya. Ia mengetahui musuh dalamannya yang besar ialah hawa nafsunya sendiri dan dorongan syaitan yang sentiasa mencari kesempatannya. Ia sedar bahawa Allah mengetahui segala perbuatannya, yang terbuka dan tersembunyi.
- (vi) Hubungan dengan manusia lain tidak hanya bersandarkan kepada pangkat tetapi nilai-nilai kemanusiaan yang mengatasi perbezaan paras, warna, bebas dan keturunan.

Oleh yang demikian, meskipun seorang yang profesional itu bukan ahli agama atau pendakwah, namun tuntutan iman dan takwa disuburi dengan akhlak dan etika, tetap mempunyai kesan ke atas tingkah lakunya sebagai profesional. Ini kerana kesemua ciri tersebut bukan beroperasi di surau, masjid atau majlis-majlis agama sahaja. Baginya identiti sebagai hamba dan khalifah kepada Allah s.w.t. lebih unggul, lebih realistik dan tentu sekali lebih abadi daripada identiti karier atau profesion.

## KESIMPULAN

Konklusinya, akhlak dan etika merupakan antara perkara pokok yang perlu diberi penekanan oleh setiap insan. Kesemua nilai baik yang dibincangkan di atas adalah antara percikan akhlak yang mulia serta etika yang murni yang perlu ada dalam diri setiap individu khususnya yang terlibat dalam bidang profesional. Mendasari keadaan ini, keperibadian yang unggul adalah tiket utama untuk mempersembahkan para graduan yang berakhlak dan beretika. Kesemua ini tidak mungkin bercambah tumbuh tanpa adanya usaha dan iltizam untuk menanamkan dalam diri setiap individu nilai-nilai murni yang ditekankan. Sehubungan dengan itu, kita tidak menafikan bahawa kejayaan untuk melahirkan para graduan yang bermutu serta cemerlang baik dalaman mahupun luaran adalah berkait rapat dengan hubungan mereka dengan Pencipta-Nya selain hubungan mereka sesama makhluk.

Justeru, adalah penting bagi setiap graduan untuk mengimbangi antara tuntutan dunia dengan tuntutan akhirat, tuntutan kerohanian dengan tuntutan kebendaan dan tuntutan individu dengan tuntutan awam supaya dapat menjadi seorang profesional yang dapat membezakan antara kepentingan individu atau kepentingan umum. Dengan keintelektualan yang cemerlang di samping memiliki akhlak yang mulia, berkeperibadian luhur dan beretika profesional, sudah tentu graduan yang dilahirkan berupaya mengimbangi pembangunan diri, pembangunan

kerjaya dan pembangunan masyarakat sekaligus memangkin pembentukan generasi madani.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qu'ran Al-Karim.

Aidit Ghazali. 1992. Pembentukan Graduan-Graduan Perakaunan yang Beretika Mulia. *Akauntan Nasional*. Oktober: 8-10.

Dato Hassan Ibrahim. 1989. Memahami dan Menghayati Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran dan Pengurusan Organisasi. *Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Hlm. 4.

Fauzian Mohammad. 1997. *Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani*. Selangor. Pustaka Ilmi.

Ghazali Darulsalam. 1997. *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hassan Hj. Mohd Ali. 1989. Analisis Perbandingan antara Pengurusan Barat, Timur dan Islam. *Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Hlm. 9.

<http://www.islam.gov.my/e-rujukan/unggul.html> (5 Ogos 2003).

*Kamus Dewan*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamaad Al-Ghazali. 2002. *Akhlak Seorang Muslim*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Mohd Azhar Abd. Hamid, Azmi Shah Suratman dan Muhamad Fauzi Othman. 2001. Senario Pendidikan Moral Masyarakat Melayu Zaman Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT): Trend, Hala Tuju dan Model Pendidikan Moral Keluarga Islam. Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 35(E). Dis: 45-70.

Mohd. Janib Johari. 2001. *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit UTM.

Mohd Kamal Hassan. 1993. *Etika Kerja dan Profesionalisme: Suatu Tinjauan Semula*. Kumpulan Kertas Kerja/Seminar Majlis Gabungan Jawatankuasa Kursus Kefahaman Islam. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Rafik Issa Beekun. 1998. *Etika Perniagaan Islam*. Islamic Business Ethics. Diterjemah oleh Zainab Abd. Kadir. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Tafsiran Pimpinan Ar-Rahman Al Quran. 1980. DarulFikir: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.